

# Pelaksanaan MSC dijangka wujudkan 18,900 peluang pekerjaan

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka mewujudkan 18,900 peluang pekerjaan kepada rakyat sehingga akhir tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, 85 peratus daripada jumlah tenaga kerja itu merupakan pekerja mahir dengan 88 peratus terdiri daripada pekerja tempatan.

Menurut beliau, jumlah jualan syarikat MSC juga mencatatkan perkembangan memberangsangkan dengan nilai jualannya dijangka meningkat kepada hampir RM5.7 bilion pada tahun ini berbanding RM3.4 bilion pada tahun 2001.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan terus berusaha melonjakkan peralihan ke era teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) selaras dengan usaha untuk mencapai ekonomi baru berasaskan pengetahuan.

Katanya, pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) berjaya meningkatkan pencapaian negara dalam bidang teknologi maklumat (IT).

“Selain itu, kerajaan juga akan melaksanakan arahan supaya semua rakyat mempunyai Mykad dengan aplikasi pintar pada tahun 2005,” katanya ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menambah, kerajaan akan memastikan Jabatan Pendaftaran Negara dilengkapi dengan kakitangan dan peralatan secukupnya di samping menubahkan unit-unit bergerak bagi menampung keperluan pendaftaran di kawasan luar bandar.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga bercadang untuk memasukkan maklumat tambahan di dalam Mykad antaranya status perkahwinan dan kawasan mengundi bagi mengelakkan kesilapan dan pemindahan pengundi.

Bagaimanapun, tegasnya, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengeluarkannya secara percuma Mykad untuk aplikasi kerajaan, kecuali untuk pembaharuan.

Sejajar dengan hasrat memperluas-

kan penggunaan ICT, Dr. Mahathir berkata, bermula 1 Januari semua bayi yang baru lahir akan diberikan Mykad yang akan menjadi dokumen pengenalan dan maklumat diri untuk tempoh sepanjang hayat mereka.

Sementara dalam usaha mengurangkan jurang digital, jelasnya, Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia sedang melaksanakan Program Connectivity bagi menyediakan akses internet ke kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Peringkat pertama program itu, ujarnya, melibatkan 250 sekolah yang mana ia akan dikongsi bersama oleh masyarakat setempat.

Tambahnya, bagi perkhidmatan e-Perolehan pula, selain pendaftaran bagi pembekal, perolehan melalui kontrak pusat serta pembelian terus, kerajaan juga akan memperkenalkan dua lagi jenis perolehan iaitu perolehan melalui tender dan sebut harga menjelang 2003.